

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 MARCH 2017

Najib lancar portal *e-Rakyat*

Ulm - 30/3/2017

KUALA LUMPUR 29 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini melancarkan buletin berita dalam talian, *e-Rakyat* yang akan mengupas isu-isu semasa yang tepat serta penerangan projek yang dijalankan Barisan Nasional (BN) kepada rakyat.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, buletin berita yang boleh dilayari menerusi www.therakyat.com itu mengandungi enam bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin, Tamil, Kadazan dan Iban.

Beliau berkata, rakyat boleh mendapat maklumat tepat dan benar tanpa prejudis mengenai usaha-usaha yang dilakukan Kerajaan BN dalam menjuarai hal kebajikan dan kepentingan rakyat.

“Kita boleh tunjukkan setiap janji kepada rakyat, kerajaan akan tepati dan paparkan dalam buletin *e-Rakyat* agar mereka tahu apa yang telah dilakukan kerana kerajaan mempunyai pelan perancangan rapi yang mampu di-

laksanakan dan bukan sekadar cakap kosong.

“Malah, buletin *e-Rakyat* ini juga boleh menjadi medium penghubung yang ampuh antara pemimpin-pemimpin BN dengan rakyat kerana kita akan lebih berhubung dengan rakyat,” katanya ketika berucap melancarkan buletin tersebut di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein serta menteri-menteri Kabinet daripada parti komponen BN lain.

Antara pemimpin parti komponen BN yang hadir ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam dan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, sebagai sebuah kerajaan, BN telah melakukan banyak usaha untuk memperkasa program bantuan demi kepentingan rakyat.

Bagaimanapun, beliau berkata, terdapat ruang informasi apabila bukan semua perkara dilakukan kerajaan diketahui rakyat terutama ada pihak yang berusaha memutar-belit dan menyampaikan fakta tidak betul atau sepele kepada rakyat.

“Sehubungan itu, usaha seperti platform buletin *e-Rakyat* ini perlu dilakukan kerana penyampaian berita dalam bentuk fizikal tidak lagi mendapat tempat di sisi rakyat, malah banyak berita dalam bentuk fizikal hanya menjadi pembaziran semata-mata,” jelasnya.

Beliau menambah, sebagai permulaan, buletin *e-Rakyat* akan diterbitkan sebanyak lapan muka surat dengan kekerapan dua kali sebulan dan ia akan ditingkatkan dari semasa ke semasa.